



KPKT LAKSANA OPERASI SANITASI AWAM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Pada 30 Mac 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah turun padang menyaksikan buat pertama kalinya Operasi Sanitasi Awam melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selaku ketua operasi serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri dan daerah terlibat bersama dengan SWCorp melalui syarikat-syarikat konsesinya akan melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam ini termasuk di negeri-negeri yang tidak menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Kerja-kerja sanitasi awam ini akan dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- fasa pertama – kawasan kes tinggi (*red zone area*) dan kerja-kerja sanitasi akan dijalankan secara serentak.
- fasa kedua – kawasan kes sederhana (*orange zone area*) dan kerja-kerja sanitasi akan dijalankan secara berperingkat.



Antara kawasan zon merah yang terlibat ialah Lembah Pantai, Petaling, Hulu Langat, Seremban, Johor Baharu dan Kluang. Sanitasi ini melibatkan kemudahan awam, pasar-pasar awam, perabot jalan, laluan siar kaki, hab-hab pengangkutan awam dan lain-lain. Turut terlibat di dalam operasi ini ialah di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang berada di dalam zon merah.



Justeru, Kementerian memohon supaya komuniti setempat di kawasan yang terlibat memberi kerjasama agar pelaksanaan kerja-kerja awam dapat dilaksanakan dengan lancar dan baik. Kementerian bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi di tempat awam manakala bagi premis-premis persendirian, pemilik dipertanggungjawabkan untuk melakukan sanitasi dengan tanggungan sendiri.